


LAPORAN CUACA BERKAITAN KEJADIAN RIBUT PETIR DAN HUJAN LEBAT DI KEDAH, PULAU PINANG, PERAK DAN SELANGOR PADA 20 OGOS 2021

1.0 PENGENALAN

Laporan cuaca ini ialah berkaitan kejadian ribut petir dan hujan lebat yang berlaku di beberapa daerah di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor pada petang, 20 Ogos 2021 sehingga menyebabkan banjir di kawasan berkenaan.


2.0 ANALISIS CUACA

Rajah 1 menunjukkan rekod pencerapan hujan setiap jam di Stesen Meteorologi Utama dan Stesen Meteorologi Auksiliari di beberapa daerah di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor pada 20 Ogos 2021. Stesen Hospital Kulim, Kedah telah merekodkan hujan lebat (melebihi 20mm/jam) pada 3:00 petang dengan amaun hujan 32.2 mm, manakala Stesen Hospital Bahagia di daerah Kinta, Perak telah merekodkan hujan lebat yang melebihi 20 mm/jam pada 4:00 petang hingga 6:00 petang. Di Selangor, Stesen Petaling Jaya dan Pertanian Kalumpang turut merekodkan hujan lebat dengan amaun hujan 21.4 mm pada 2:00 petang dan 24.9 mm pada 5:00 petang, masing-masing.



Rajah 1: Data Hujan Setiap Jam di Stesen Meteorologi di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor pada 20 Ogos 2021


Berdasarkan pemantauan cuaca dan analisa imej radar, awan aktif telah terbentuk di kawasan pedalaman negeri-negeri pantai barat, merangkumi Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor sekitar 2:00 petang, 20 Ogos 2021 dan keamatan semakin meningkat sehingga meliputi hampir seluruh pantai barat Semenanjung pada sebelah petang. Pencerapan udara atas menunjukkan berlaku pertembungan angin dari arah barat laut dan tenggara yang membawa kelembapan tinggi dari Laut Andaman dan Selat Melaka, seterusnya menyumbang kepada pembentukan awan aktif dalam tempoh tersebut. **Rajah 2** menunjukkan imej radar yang dicerap dari 1:40 tengah hari hingga 8:00 malam, 20 Ogos 2021 iaitu semasa kejadian hujan lebat.




Rajah 2: Pencerapan imej radar pada 1:40 tengah hari hingga 8:00 malam pada 20 Ogos 2021

3.0 AMARAN CUACA

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) telah mengeluarkan Amaran Cuaca Waspada pada 11:00 malam, 18 Ogos 2021 yang melibatkan Pulau Pinang dan beberapa daerah di Kedah dan Perak. Amaran Cuaca Waspada ini berkuat kuasa untuk tempoh 19 Ogos 2021 hingga 20 Ogos 2021. MET Malaysia turut mengeluarkan Amaran Ribut Petir dan hujan lebat untuk Kedah Perak dan Selangor pada seawal 1:55 tengah hari, 20 Ogos 2021. Amaran cuaca yang dikeluarkan oleh MET Malaysia sentiasa dikemas kini dan disebarikan menerusi pelbagai medium seperti laman web, laman sosial Facebook dan Twitter serta SMS. **Rajah 3** dan **Rajah 4** menunjukkan grafik Amaran Cuaca Waspada untuk tempoh 19 hingga 20 Ogos 2021 dan Amaran Ribut Petir melibatkan Kedah, Perak dan Selangor pada 20 Ogos 2021.



Rajah 3: Amaran Cuaca Waspada yang dikeluarkan pada 18 Ogos 2021 untuk tempoh berkuat kuasa pada 19 hingga 20 Ogos 2021



Rajah 4: Siri Amaran Ribut Petir yang dikeluarkan untuk negeri Kedah, Perak dan Selangor pada 20 Ogos 2021

4.0 KESIMPULAN

Kejadian ribut petir berserta hujan lebat telah menyebabkan kejadian banjir di sekitar Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor (daerah Gombak, Petaling dan Sepang) pada petang 20 Ogos 2021. Kelembapan udara yang tinggi dan pembentukan awan ribut petir yang aktif bermula di pedalaman negeri-negeri pantai barat berkenaan merupakan penyumbang kepada kejadian hujan lebat yang berlaku. MET Malaysia telah mengeluarkan Amaran Cuaca Waspada pada 18 Ogos 2021, yang berkuat kuasa bagi tempoh 19 hingga 20 Ogos 2021, melibatkan Pulau Pinang, daerah Langkawi, Kubang Pasu, Kota Setar, Pokok Sena, Yan, Pendang, Kuala Muda dan Bandar Baharu di Kedah dan daerah Kerian, Larut Matang dan Selama dan Manjung di Perak. MET Malaysia turut mengeluarkan amaran kejadian hujan lebat dan ribut petir yang melibatkan negeri-negeri berkenaan pada seawal 1:55 tengah hari, 20 Ogos 2021.

Malaysia sedang mengalami fasa Monsun Barat Daya melemah (monsoon break) dan cuaca lembap, khususnya di negeri-negeri Pantai Barat, Semenanjung Malaysia dijangkakan berterusan sehingga 25 Ogos 2021. Orang ramai dinasihatkan untuk lebih berwaspada ketika tempoh ini dan sentiasa peka dengan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh MET Malaysia melalui laman web rasmi, aplikasi mobil myCuaca dan media sosial rasmi MET Malaysia. Orang ramai juga boleh menghubungi talian Hotline MET Malaysia 1300-22-1638 untuk mendapatkan sebarang maklumat lanjut.

DISEDIAKAN OLEH:

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA

KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

21 OGOS 2021